

1MDB: Dua minit mesyuarat berbeza

UM - 13/8/2021 m/s: 13

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini semalam diberitahu wujud perbezaan antara dua minit mesyuarat Lembaga 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dengan dokumen asal.

Menurut bekas Pengarah Pelaburan Terengganu Investment Authority (TIA), Kelvin Tan Kay Lin, tiada nama ahli perniagaan, Low Taek Jho atau Jho Low dalam satu lagi minit mesyuarat yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).


Kelvin, 50, berkata, berbanding minit mesyuarat disediakan dan dihadiri beliau pada 26 September 2009, tercatat kehadiran beberapa ahli Lembaga Pengarah 1MDB dan Jho Low.

“Merujuk dokumen *Minutes Of The Special Meeting Of The Board Of 1MDB* dan saya mengesahkan tidak pernah melihat dokumen ini sehingga ditunjukkan pegawai SPRM semasa merakam percakapan saya.

“Saya sahkan isi kandungan dokumen ini sama seperti dokumen dirujuk sebelum ini. Namun begitu saya sahkan terdapat perbezaan di mana ruangan ‘By Invitation’ apabila hanya terdapat satu penama wujud iaitu Casey Tang Keng Chee sedangkan pada mesyuarat terdapat seorang lagi individu hadir iaitu Low Taek Jho.

“Saya tiada pengetahuan bagaimana isi kandungan ini dipinda di mana ‘Low Taek Jho’ tiada pada muka surat satu dokumen ini.

“Bagaimanapun, saya mengesahkan Jho Low hadir mesyuarat Lembaga Pengarah



DATUK Seri Najib Tun Razak semasa hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam untuk perbicaraanberhubung pindaan laporan akhir audit 1MDB.

1MDB pada 26 September 2009,” kata saksi kelapan pendakwaaan ketika membaca pernyataan bertulis di hadapan Hakim Mohamed Zaini Mazlan.

Dalam pada itu, Kelvin memberitahu, Jho Low memaklumkan beliau akan berperanan sebagai Penasihat Lembaga bagi menjawab pertanyaan Pengarah 1MDB, Tan Sri Che Lodin kehadiran dalam mesyuarat tersebut.

“Kesemua ahli mesyuarat maklum berkenaan hal tersebut dan tidak ada seorang yang mempertikaikan,” katanya.

Namun menurut Kelvin, sepanjang pengetahuannya, Jho Low tidak pernah ada peranan atau jawatan di dalam 1MDB yang membolehkannya hadir

pada mesyuarat berkenaan.

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, 68, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan terhadap laporan akhir audit 1MDB sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy, 44, pula didakwa bersubahat dengan Najib dalam membuat pindaan tersebut.

Kedua-dua didakwa menurut Seksyen 23(1) dan 24(1) Akta SPRM yang memperuntukkan penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan jika sabit kesalahan.

Perbicaraan disambung 9 September ini.